

28 JUN 1997

#### TNB SEDIA SALUR ELEKTRIK GUNA JAMBATAN KE SUMATERA

Oleh: Mohd Zabidi Osman

MELAKA, 28 Jun (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersedia menyalurkan bekalan tenaga elektrik ke Sumatera, Indonesia menerusi jambatan yang akan dibina menghubungkan semenanjung dan Sumatera, kata Pengerusi Eksekutifnya Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Beliau berkata projek menyalurkan bekalan tenaga elektrik itu merupakan sebahagian daripada projek perhubungan bekalan elektrik antara negara-negara ASEAN.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa jambatan berkenaan akan turut dilengkapi dengan kemudahan laluan keretapi, paip saluran gas dan kabel elektrik.

Dr Mahathir berkata jambatan akan berfungsi pelbagai guna bagi memastikan ia membawa faedah besar kepada rakyat kedua-dua negara dan cadangan projek itu telah dipersetujui oleh kerajaan Indonesia.

Dr Ahmad Tajuddin berkata kajian mengenai sistem penyaluran bekalan elektrik antara negara-negara ASEAN memang sedang dijalankan dan penggunaan jambatan untuk tujuan itu akan turut dikaji.

"Jika sesuai, jambatan itu akan dimasukkan sebagai salah satu saluran bagi sistem berkenaan," katanya kepada pemberita selepas kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Datuk Abu Zahar Isnin di sini hari ini.

Beliau berkata sistem penyaluran bekalan elektrik menerusi jambatan menyeberangi laut telah digunakan bagi menyalurkan elektrik dari Semenanjung ke Pulau Pinang.

Antara sistem lain yang biasa digunakan ialah menerusi sistem kabel dasar laut dan antara projek besar penyaluran elektrik menggunakan sistem itu ialah apabila siap projek empangan Bakun kelak iaitu penyaluran dari Sarawak ke Semenanjung.

Beliau turut berkata TNB percaya penyaluran elektrik menggunakan jambatan bagi projek inter-connection ASEAN itu sebagai "viable" .

Sementara itu, Dr Ahmad Tajuddin juga yakin penswastaan lembaga Lektrik Sabah (LLS) akan dapat dilakukan pada akhir tahun ini jika semua usaha ke arahnya berjalan lancar.

Katanya, TNB akan mengendalikan pengurusan LLS dengan menempatkan pasukan pengurusannya semasa tempoh peralihan itu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie mengumumkan semalam bahawa TNB akan mengetuai konsortium yang telah ditubuhkan bagi penswastaan LLS yang menghadapi pelbagai masalah berhubung pembekalan tenaga di negeri itu.

TNB dilaporkan akan memegang 40 peratus ekuiti konsortium itu manakala bakinya diagihkan kepada tiga buah syarikat lain.

Mengenai perjumpaannya dengan Abu Zahar, Dr Ahmad Tajuddin berkata pihaknya telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri untuk memajukan tanah milik TNB seluas kira-kira 4 hektar di Jalan Kilang di sini untuk dibangunkan dengan projek pembangunan bercampur.

Tapak berkenaan yang terletak di kawasan komersil utama di sini sekarang digunakan oleh TNB bagi menempatkan kuarters dan sebuah pencawang kecil.

Dr Ahmad Tajuddin berkata projek itu akan dimajukan oleh Tenaga Nasional Properties.

Megenai projek pembangunan TNB di sini, beliau berkata sebanyak RM225 juta akan diperuntukkan bagi projek bekalan baru dan pengukuhan sistem

saluran pada tahun depan.

Tahun ini, sebanyak RM230 juta dibelanjakan untuk tujuan yang sama dan antara projek yang telah disiapkan ialah pencawang masuk utama Batu Berendam dengan kos RM70 juta dan pencawang Jasin serta Telok Mas.

Pencawang itu bagi pembekalan tenaga untuk kegunaan kawasan perindustrian Batu Berendam. -- BERNAMA

MOZ OS